



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
***METABAHASA DALAM KAMUS EKABAHASA MELAYU***  
***MALAYSIA DAN INDONESIA***

**CHONG OI CHIN**

**FBMK 2015 41**



**METABAHASA DALAM KAMUS EKABAHASA MELAYU  
MALAYSIA DAN INDONESIA**

Oleh

**CHONG OI CHIN**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan  
untuk ijazah Doktor Falsafah**

**Jun 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan karya seni lain, ialah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

### **Khas untuk ayahanda dan bondaku ...**

*Yang tidak pernah lekang berdoa demi kejayaan anakandanya.  
Jasa tidak pernah jemu mengajar erti kehidupan,  
memberikan semangat dan sebagai pendorong.  
Terima kasih BABA dan MAMA.*

### **Untuk guru ...**

*Pengorbanan kalian menitiskan ilmu tanpa jemu  
membantuku semasa menerokai ilmu,  
amat bermakna buat diriku...Thank You.*

### **Untuk Kakak, adik, dan teman sehatiku ...**

*Terimalah kebahagiaan ini sebagai tanda  
sokongan dan dorongan kalian ... Terima Kasih.*

### **Untuk semua ...**

*TERIMA KASIH KUUCAPKAN !!!*



COPYRIGHT



UPM

© COPYRIGHT UPM



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**METABAHASA DALAM KAMUS EKABAHASA MELAYU  
MALAYSIA DAN INDONESIA**

Oleh

**CHONG OI CHIN**

**Jun 2015**

**Pengerusi:            **Profesor Madya Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD****  
**Fakulti:                **Bahasa Moden dan Komunikasi****

Penyelidikan ini memfokuskan perbandingan metabahasa dalam *Kamus Dewan* Edisi Keempat (*KD4*) 2010 dengan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* Edisi Keempat (*KBBI4*) 2011. Fokus utama tesis ini adalah untuk menghuraikan penggunaan medan maklumat, menjelaskan pemerian makna bahasa objek, menganalisis cara persembahan bahasa objek, dan mereka bentuk konvensi leksikografi untuk penambahbaikan penyusunan kamus ekabahasa Melayu. Sebanyak 1087 kata entri yang dijadikan sebagai data kajian. Kajian ini menggunakan kerangka prinsip umum leksikografi, model medan maklumat, dan pendekatan konvensi leksikografi untuk mengenal pasti dan menganalisis metabahasa dalam proses penyusunan kamus ekabahasa serta hubung kaitnya pemerian makna bahasa objek dengan berpandukan Teori Analisis Komponen Makna. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam penyelidikan ini untuk menganalisis hasil dapatan yang diperoleh. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan medan maklumat memang wujud perbezaan dari segi susunan atau kedudukannya, selain telah memasukkan maklumat asas yang sepatutnya dalam sesebuah kamus ekabahasa selaras dengan model medan maklumat yang disyorkan oleh Dale Edgar *et. al.* (1971). Selain itu, kamus ekabahasa Melayu mempunyai bahasa objek dan metabahasanya yang sama, iaitu bahasa Melayu. Pemerian makna bahasa objek pula terbahagi kepada lima jenis, yang dapat menyingkap persamaan dan perbezaan komponen maknanya. Seterusnya, dari aspek cara persembahan bahasa objek, penyelidik mendapati bahawa *KD4* dan *KBBI4* telah memasukkan semampat maklumat bagi sesuatu entri dengan menggunakan formula atau peraturan tertentu dan teknik mampatan. Namun, kaedah kesejadian atau keidiomatikan bahasa hanya digunakan oleh *KD4* secara tidak tekal tetapi tidak dalam *KBBI4*. Akhir sekali, penganalisan konvensi leksikografi yang merangkumi kod pelabelan, penggunaan kata, dan pengungkapan definisi telah membantu penyelidik mereka bentuk rajah ciptaan sendiri dengan memasukkan semampat maklumat dalam kerangka informasinya. Sementara itu, perbandingan kedua-dua buah kamus telah dilaksanakan dan membuktikan bahawa wujud persamaan, perbezaan, dan kekurangan atau kelemahan dalam metabahasa. Secara keseluruhannya, penggunaan metabahasa boleh menjadi ukuran atau kriteria penting dalam penentuan keberhasilan sesebuah kamus ekabahasa Melayu yang bermutu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**METALANGUAGE IN MALAY MONOLINGUAL DICTIONARY  
MALAYSIA AND INDONESIA**

By

**CHONG OI CHIN**

**June 2015**

**Chair:           Profesor Madya Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**  
**Faculty:        Modern Languages and Communication**

This research focuses on the comparison metalanguage in *Kamus Dewan* (4<sup>th</sup> Edition) (*KD4*) 2010 and *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (4<sup>th</sup> Edition) (*KBBI4*) 2011. The prime focus of this study is to describe the usage of information field, a description of the meaning of object language, analyze how to presents object language, and the design of convention lexicography for improving the process of compilation of Malay monolingual dictionary. A total of 1087 words to be used as entry data. This study use of the framework of the general principles lexicography, model of information field, approach of convention lexicography to identify and analysis metalanguage monolingual dictionaries in the process of compilation and its relationship with the description meaning of object language based Component Analysis Theory of Meaning. Qualitative and quantitative approaches were used in this research to analyze the outcome. The findings revealed that the use of the information fields do exist differences in the arrangement or position, in addition to the basic information entered should be in a monolingual dictionary in accordance with the information field model suggested by Dale Edgar *et. al.* (1971). In addition, Malay monolingual dictionary has the same object language and metalanguage, that is Malay language. Description of the meaning of object language are divided into five types can reveal similarities and differences components meaning. Next, in terms of how to present object language, the researchers found that *KD4* and *KBBI4* have entered compressible information for an entry with a specific formula and compression techniques. However, method inherent and idiomatic language used only by *KD4* inconsistently but not in the *KBBI4*. Finally, analysis of convention lexicography which includes code labeling, words usage and definitions disclosure has helped researchers generate their own creations diagram by inserting compressible information within the framework of the information. Meanwhile, the comparison between the two dictionaries have been implemented and prove the existence of similarities, differences, and lack or weakness in metalanguage. Overall, the use of metalanguage can be used as an important yardstick or criteria to produce a high quality Malay monolingual dictionary.

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan limpah-Nya, dapatlah saya menyempurnakan tesis ini sebagai syarat untuk memperoleh ijazah Doktor Falsafah (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam (selaku Pengerusi), Dr. Hasnah binti Mohamad, dan Profesor Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin (selaku Ahli Jawatankuasa) yang selama ini banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan serta dorongan yang amat berguna dalam usaha saya untuk menyiapkan tesis ini. Tanpa bimbingan dan panduan yang penuh kesabaran, tesis ini tidak dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Segala usaha dan pengorbanan masa akan tetap abadi dalam ingatan saya dan merupakan suatu pengalaman akademik yang tidak ternilai harganya.

Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah menawarkan Program Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa telah membantu masalah kewangan penyelidik sepanjang pengajian.

Tidak ketinggalan juga ucapkan terima kasih kepada pensyarah dan rakan-rakan tersayang yang sudi menyumbangkan buah fikiran dan dorongan untuk menyempurnakan tesis ini. Di kesempatan ini, penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha untuk mendapatkan bahan dan maklumat penyelidikan, khususnya kakitangan perpustakaan UPM, UKM, UM, UMS, DBP, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri Sabah, dan Pusat Dokumentasi di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM.

Akhir sekali, sejangkit mawar dan sekalung kasih buat semua. Segala jasa hanya Tuhan yang dapat membalasnya.

“ BERILMU BERBAKTI ”

**CHONG OI CHIN (GS 31354)**



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada **10 Jun 2015** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Chong Oi Chin** bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “**Metabahasa dalam Kamus Ekabahasa Melayu Malaysia dan Indonesia**” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah **Doktor Falsafah**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Che Ibrahim bin Salleh, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Teo Kok Seong, PhD**

Profesor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Ogos 2015

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut :

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hasnah binti Mohamad, PhD**

Pensyarah  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD**

Profesor Madya  
Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

### **Perakuan Pelajar Siswazah:**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hal milik intelek, dan hak cipta tesis ini ialah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia, dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Chong Oi Chin, GS 31354

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli : \_\_\_\_\_  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Ahli : \_\_\_\_\_  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>BAB</b>	
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b> 1
	Latar Belakang Kajian 1
	Metabahasa 2
	Sejarah Perkembangan Perkamusan Melayu 3
	Perkembangan Kamus Ekabahasa Melayu di Malaysia 5
	Perkembangan Kamus Ekabahasa Melayu di Indonesia 7
	Leksikografi 8
	Pernyataan Masalah 9
	Persoalan Kajian 11
	Objektif Kajian 11
	Batasan Kajian 11
	Kepentingan Kajian 12
	Definisi Operasional 14
	Kamus Ekabahasa Melayu 14
	Metabahasa 14
<b>II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b> 15
	Kajian Umum tentang Perkembangan Perkamusan Melayu 15
	Kajian tentang Kepentingan Medan Maklumat dalam Kamus 17
	Kajian tentang Perbandingan Kamus 21
	Kajian tentang Prinsip Umum Leksikografi 25
	Kajian tentang Metabahasa dalam Perkamusan 26
	Perkaitan antara Sorotan Kajian dengan Kajian Penyelidik 28
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b> 30
	Reka Bentuk Kajian 30
	Kerangka Teori 30
	Kerangka Prinsip Umum Leksikografi 30
	Teori Analisis Komponen Makna (TAKM) 31
	Model Medan Maklumat 31
	Pendekatan Konvensi Leksikografi 32
	Kerangka Konseptual 32
	Kaedah Kajian 33
	Kaedah Kepustakaan 33
	Kaedah Analisis Kandungan 34
	Tempat Kajian 35
	Dewan Bahasa dan Pustaka 35

	Pusat Bahasa	35
	Bahan Kajian	36
	Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4)	36
	Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Keempat (KBBI4)	36
	Data Kajian	37
	Tatacara Kajian	37
	Penganalisan Data	38
<b>IV</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>40</b>
	Penggunaan Medan Maklumat dalam KD4 dan KBBI4	40
	Ejaan	41
	Penyusunan Entri atau Kata Masukan	43
	Sebutan	46
	Penggunaan Kata	46
	Etimologi	48
	Rujuk Silang	49
	Analisis Rincian Medan Maklumat dalam Entri KD4 dan KBBI4	51
	Pemerian Makna Bahasa Objek dalam Kamus Ekabahasa Melayu	53
	Pemerian Makna Bahasa Objek Menerusi TAKM dalam KD4 dan KBBI4	57
	Entri yang Sama tetapi Seluruh Komponen Maknanya Berbeza	58
	Entri yang Sama tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni ada Perbezaan dan Persamaan	62
	Entri yang Sama dan Seluruh Komponen Maknanya Sama	67
	Entri yang Berbeza tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni ada Persamaan dan Perbezaan	70
	Entri yang Berbeza tetapi Seluruh Komponen Maknanya Sama	75
	Cara Persembahan Bahasa Objek dalam KD4 dan KBBI4	76
	Peraturan atau Formula Tertentu	77
	Teknik Mampatan	79
	Kesejadian atau Keidiomatikan Bahasa	83
	Reka Bentuk Konvensi Leksikografi bagi Penambahbaikan	84
	Proses Penyusunan Kamus Ekabahasa Melayu	
	Penggunaan Kod Tatabahasa	101
	Pelabelan Penggunaan Kata	103
	Pengungkapan Definisi	106
	Struktur Pemerian Makna	121
	Kerangka Informasi dalam KD4 dan KBBI4	126
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	132
	Implikasi Dapatan Kajian	136
<b>V</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>141</b>
	Rumusan	141
	Cadangan	143
	Cadangan Kajian Selanjutnya	145

<b>RUJUKAN</b>	147
<b>LAMPIRAN</b>	153
A : Jumlah Entri (1087) dalam KD4 dan KBB14 sebagai Data Kajian	153
B : Paparan Entri Penggunaan é Taling dalam KD4 dan KBB14	175
C : Penggunaan Tanda Rujuk Silang Secara Terus dan Tidak Terus dalam KD4	179
D : Penggunaan Tanda Rujuk Silang Secara Terus dalam KBB14	180
E : Entri Kata Nama yang Sama tetapi Seluruh Komponen Maknanya Berbeza	181
F : Entri Kata Adjektif yang Sama tetapi Seluruh Komponen Maknanya Berbeza	183
G : Entri Kata Nama yang Sama tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni ada Perbezaan dan Persamaan	184
H : Entri Kata Adjektif yang Sama tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni ada Perbezaan dan Persamaan	193
I : Entri Kata Nama yang Sama dan Seluruh Komponen Maknanya Sama	195
J : Entri Kata Adjektif yang Sama dan Seluruh Komponen Maknanya Sama	197
<b>BIODATA PELAJAR</b>	198
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	199

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
4.1 Paparan Data Perbezaan Ejaan dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	43
4.2 Jumlah Entri Label Ragam Bahasa dan Bidang dalam <i>KD4</i>	47
4.3 Jumlah Lema Label Ragam Bahasa, Bidang, dan Kelas Kata dalam <i>KBBI4</i>	48
4.4 Keterangan Etimologi dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	49
4.5 Rincian Perbandingan Medan Maklumat Entri/Lema 'pohon' dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	52
4.6 Rincian Bahasa Objek dan Metabahasa dalam <i>KD4</i>	55
4.7 Rincian Bahasa Objek dan Metabahasa dalam <i>KBBI4</i>	56
4.8 Pemerian Makna Entri Kata Nama yang Sama tetapi Seluruh Komponen Maknanya Berbeza dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	59
4.9 Pemerian Makna Entri Kata Adjektif yang Sama tetapi Seluruh Komponen Maknanya Berbeza dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	59
4.10 Pemerian Makna Entri Kata Nama yang Sama tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni Ada Persamaan dan Perbezaan dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	63
4.11 Pemerian Makna Entri Kata Adjektif yang Sama tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni Ada Persamaan dan Perbezaan dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	64
4.12 Pemerian Makna Entri Kata Nama yang Sama dan Seluruh Komponen Maknanya yang Sama dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	68
4.13 Pemerian Makna Entri Kata Adjektif yang Sama dan Seluruh Komponen Maknanya yang Sama dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	68
4.14 Entri Kata Nama yang Berbeza tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni Ada Persamaan dan Perbezaan	71
4.15 Entri Kata Adjektif yang Berbeza tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni Ada Persamaan dan Perbezaan	71
4.16 Pemerian Makna Entri Kata Nama yang Berbeza tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni Ada Persamaan dan Perbezaan	71
4.17 Pemerian Makna Entri Kata Adjektif yang Berbeza tetapi Bertindihan Komponen Maknanya, yakni Ada Persamaan dan Perbezaan	72
4.18 Entri Kata Nama yang Berbeza tetapi Seluruh Komponen Maknanya Sama dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	75
4.19 Pemerian Makna Entri Kata Nama yang Berbeza tetapi Seluruh Komponen Maknanya Sama dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	75
4.20 Entri yang Menggunakan Teknik Mampatan dalam <i>KD4</i>	80



4.21	Entri yang Memasukkan Penyukuan/Penyebutan Kata dalam <i>KBBI4</i>	82
4.22	Kata Entri dan Etimologi yang Sama dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	104
4.23	Kata Entri yang Sama tetapi Berbeza Etimologi dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	105
4.24	Jumlah Entri dalam Kaedah Pengungkapan Definisi <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	107
4.25	Perbandingan Entri Kaedah Pengungkapan Definisi dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	109
4.26	Penggunaan Kaedah Pengungkapan Definisi Entri Kata Adjektif dalam <i>KD4</i> dan <i>KBBI4</i>	110
4.27	Entri Kata Nama Kaedah Ensiklopedik dalam <i>KBBI4</i>	120



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Model Kerangka Konseptual Analisis Kandungan Kamus	32
3.2	Senarai Kamus Ekabahasa di Malaysia dan di Indonesia	33
4.1	Kerangka Informasi Entri <i>KD4</i> (2010)	127
4.2	Kerangka Informasi Entri <i>KBI4</i> (2011)	127
4.3	Cadangan Kerangka Informasi Entri dalam Kamus Ekabahasa Melayu	128



## SENARAI SINGKATAN

%	-	Peraturan
Bil.	-	Bilangan
BM	-	Bahasa Melayu
COBUILD6	-	Collins COBUILD Advanced Dictionary 6 <sup>th</sup> Edition
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
Hlm.	-	Halaman
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
Jum.	-	Jumlah
KA	-	Kaedah Analisis
KBBI	-	Kamus Besar Bahasa Indonesia
KBBI4	-	Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Keempat
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah rendah
KD	-	Kamus Dewan
KD4	-	Kamus Dewan Edisi Keempat
KDH/C	-	Kaedah Definisi Hybrid/Campuran
KDS	-	Kaedah Definisi Sebenar
KE	-	Kaedah Ensiklopedik
KS	-	Kaedah Sinonim
LDOCE5	-	Longman Dictionary of Contemporary English 5 <sup>th</sup> Edition
MBIM	-	Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia
MABBIM	-	Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia
PB	-	Pusat Bahasa
PSJC	-	Prirucni slovník jazyka ceskeho
RHWCD	-	Random House Webster's College Dictionary
RTM	-	Rancangan Televisyen Malaysia
SSJC	-	Slovník spisovneho jazyka ceskeho
TAKM	-	Teori Analisis Komponen Makna

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan sesuatu yang indah dan dianggap sebagai nadi manusia. Bahasa digunakan untuk menjalani aktiviti seharian, di samping menyampaikan keinginan dan kehendak serta meluahkan perasaan hati. Semua korpus untuk melaksanakan peranan bahasa tersebut terungkap dalam kamus. Justeru, kamus bukan sahaja merupakan instrumen penting dalam mempelajari sesuatu bahasa bagi semua golongan, terutamanya guru bahasa, penyelidik mahupun pelajar, malah hakikat ini mencetuskan galakan agar setiap rumah memiliki sekurang-kurangnya sebuah kamus. Hal ini demikian kerana "*Dictionaries have a good image. They have social prestige. Many families believe that every good home should have one*" (Ronald, C., 2000: 150). Oleh itu, sebahagian besar atau semua sarjana memiliki kamus, namun mereka belum tentu tahu bahawa penghasilan atau penulisan kamus yang baik harus melalui berbagai-bagai proses dan memerlukan tempoh masa yang lama. Menurut R. R. K. Hartmann (1993), tempoh masa tersebut dapat diibaratkan sebagai membosankan (Samuel Johnson), menyeronokkan (Eric Partridge), menggemirakan (James Hulbert) ataupun melelahkan (Allen Gleason). Hanya diri penyusun yang dapat menilainya.

Samuel Johnson, bapa leksikografi Inggeris dan penyusun *Dictionary of Language* (1755) mengatakan bahawa kamus berfungsi untuk menjaga kemurnian bahasa. Selain itu, kamus juga sebagai dokumen yang menyenaraikan seluruh kata dalam sesuatu bahasa. Bahasa Melayu (BM) turut tidak terkecuali daripada memiliki kamus yang mencatatkan kata-kata yang terdapat dalam BM. Kepentingan kamus disebabkan oleh hubungannya secara langsung dengan bahasa sebagai alat komunikasi atau alat perhubungan. Seterusnya, kamus berperanan penting untuk mendalami dan mengetahui cakupan sesuatu bidang dan ilmu para ilmu. Kamus juga penting kepada kehidupan kerana dapat memajukan sesuatu bangsa. Malah, kamus dan kehidupan saling memerlukan (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2005; 45).

Walaupun istilah kamus dan perkamusan agak meluas penggunaannya dalam bahasa kita sehari-hari, tetapi istilah leksikografi juga digunakan sejak pertengahan dekad 90-an hingga kini. Bidang leksikografi telah berkembang sehingga mencapai profesion antarabangsa. Menurut R. F. Ilson (1986), "*Lexicography has come to be an international profession*". Jadi, leksikografi merupakan satu cabang linguistik terapan dan garapannya mencakupi teknik dan metodologi penyusunan kamus (Ibrahim Ahmad, 2004: 2). Penyusunan kamus merupakan suatu jujuk dalam pengkodan bahasa yang merakamkan kekayaan bahasa dan budaya sesuatu bangsa dalam satu tempoh tertentu sehingga penerbitannya menjadi kebanggaan bangsa yang memilikinya (Ibrahim Ahmad, 2004: 161).

Tidak ketinggalan juga, salah satu aspek penting dalam perkamusan atau leksikografi ialah metabahasa. Pengkajian dan perbincangan tentang metabahasa oleh pengkaji dan pengkritik leksikografi merupakan perkara yang jarang dilakukan di Malaysia mahupun Indonesia. Hal ini demikian kerana penjelasan konsep menerusi kamus linguistik agak umum, longgar, dan sukar difahami. Oleh yang demikian, apakah hakikat sebenar dengan metabahasa?

## Metabahasa

Metabahasa atau *metalanguage* yang menjadi tumpuan penyelidikan ini mesti diterangkan dengan baik supaya para pembaca dapat memahami makna sebenar istilah atau konsep metabahasa ini. Dengan berdasarkan huraian dan penerangan yang diberikan oleh ahli linguistik dan leksikografi, didapati bahawa para pengkaji mendefinisikan istilah metabahasa dengan beberapa cara yang hampir sama. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa metabahasa atau '*metalanguage*' sebagai bahasa yang mempersembahkan maklumat bahasa, atau bahasa yang digunakan untuk memerikan bahasa objek, ataupun lambang atau simbol yang digunakan untuk menghuraikan sesuatu bahasa dalam sesebuah kamus.

Di samping itu, pengkaji lain seperti E. Newell Leonard (1995: 8) dan Asmah Haji Omar (1987: 19) mendefinisikan metabahasa sebagai bahasa yang digunakan untuk memerikan segala maklumat dalam bahasa objek bagi sesebuah kamus. Misalnya, Newell (1995: 8) mengatakan bahawa metabahasa ialah bahasa yang digunakan untuk memerikan butir leksikal bahasa objek dalam sesebuah kamus. Selain Newell, Asmah (1987: 19) pula berpendapat bahawa metabahasa (yakni bahasa yang digunakan oleh ahli bahasa dalam ikhtisas mereka) ialah bahasa untuk menerangkan segala sesuatu tentang bahasa. Celce-Murcia, D. Larsen-Freeman, dan H. Williams (1999: 13) pula mendefinisikan *metalanguage as a language to describe language*.

Mario Pei (1966: 160) pula menambahkan sedikit penjelasan tentang definisi metabahasa dengan mentakrifkan metabahasa sebagai bahasa yang digunakan untuk bertutur dan menulis serta sebarang simbol bahasa yang merujuk simbol bahasa yang lain. Di samping itu, *Kamus Linguistik* (1997: 159) telah mendefinisikan metabahasa sebagai bahasa atau set lambang yang digunakan untuk menganalisis dan menghuraikan sesuatu bahasa.

Selanjutnya, untuk keterangan definisi atau konsep metabahasa dengan lebih baik, *Collins Cobuild Advanced Learner's English Dictionary New Edition* (2006: 901) mentakrifkan metabahasa dalam linguistik sebagai kata atau ekspresi manusia yang digunakan untuk menerangkan atau merujuk bahasa atau "*in linguistic, the words and expressions that people use to describe or refer to language can be called metalanguage*". Manakala *Webster's New World Dictionary Third College Edition* (1989: 852), *Oxford Advanced Learner's Dictionary Seven Edition* (1989: 962), dan *Oxford Advanced Learner's Dictionary Eight Edition* (2010: 931) pula mendefinisikan metabahasa sebagai bahasa atau kata yang digunakan oleh manusia untuk menggambarkan atau membincangkan bahasa lain.

Selain itu, R. R. K. Hartmann dan J. Gregory (1998: 9) melalui kajian mereka cuba membezakan metabahasa dalam linguistik dengan metabahasa dalam leksikografi. Dengan berdasarkan pendapat mereka, metabahasa secara umum didefinisikan sebagai bahasa yang digunakan untuk mempersembahkan dan membuat ulasan tentang bidang khusus. Terdapat sedikit perbezaan antara metabahasa dalam linguistik dengan metabahasa dalam bidang leksikografi. Dalam linguistik, metabahasa ialah istilah yang digunakan untuk menerangkan 'bahasa objek' (bahasa tabii - '*human language*'). Dalam leksikografi, metabahasa merangkumi konvensi tertentu seperti kod tatabahasa, pelabelan penggunaan kata, dan pengungkapan definisi.

R. R. K. Hartmann dan J. Gregory (1998: 9) menjelaskan bahawa metabahasa dalam linguistik merupakan istilah untuk penerangan bahasa objek. Sementara Harimurti Kridalaksana (1993: 136) yang mengatakan bahawa metabahasa ialah bahasa atau perangkat lambang yang dipakai untuk menghuraikan bahasa yang disebut sebagai bahasa objek.

Secara ringkasnya, metabahasa ialah bahasa yang digunakan oleh seseorang penyusun kamus untuk mempersembahkan atau memerikan maklumat bahasa objek dalam sistem linguistik, sama ada dalam bentuk simbol atau lambang yang difahami oleh pengguna sesebuah kamus. Selain itu, segala input maklumat linguistik dan bukan linguistik yang digunakan untuk memerikan bahasa objek atau entri kamus (berada di sebelah kiri) turut tercakup dalam metabahasa (perkataan yang berada di sebelah kanan).

Justeru, metabahasa ialah salah satu aspek penting dalam perkamusan atau leksikografi. Pengkajian dan perbincangan tentang metabahasa oleh pengkaji dan pengkritik leksikografi merupakan perkara yang jarang dilakukan di Malaysia. Hal ini demikian kerana penjelasan tentang konsep metabahasa ini menerusi kamus linguistik agak umum, longgar, dan sukar difahami. Justeru, penyelidik ingin mengkaji aspek metabahasa secara lebih mendalam dengan membuat perbandingan antara dua buah kamus ekabahasa Melayu Malaysia dan Indonesia.

### **Sejarah Perkembangan Perkamusan Melayu**

Menurut T. Collins James (2000: 3), sejarah penerbitan kamus bermula dengan penerbitan kamus Latin, karya Giovanni Balbi pada 1460. Kamus ini mengandungi 800 halaman dan dikenal juga sebagai kamus yang pertama dicetak di dunia. Ini diikuti dengan penerbitan kamus Latin, karya Ambrogio Calepino pada 1502. Pada 1595, terbit pula kamus tribahasa yang mengandungi bahasa Latin, Portugis, dan Jepun. Kamus tersebut berjudul *Dictionarium latino lusitanicum; Ac iaponicum ex Ambrosil Calepini volumine...*, ialah kamus Asia yang pertama kali dicetak di Asia dengan penggunaan teknologi pencetakan barat.

Kemudian, usaha leksikografi atau perkamusan diteruskan oleh Antonio Pigafetta (1519-1522), seorang bangsawan Itali yang membuat catatan sepanjang pelayaran bersama dengan Ferdinand Magellan dan Henry the Black pada 1522. Pigafetta telah menulis buku daftar kata, iaitu sebanyak 426 patah kata yang diberi padanannya dengan lebih kurang 450 perkataan Melayu (Abdul Rashid Daing Melebek, 2006). Buku daftar kata inilah yang merupakan daftar kata BM pertama yang dapat dikesan (Collins James, T., 2000: 4). Buku daftar kata ini diolah semula oleh Alessandrino Bausani dan diterbitkan dalam karangannya yang bertajuk "Perbendaharaan Kata Melayu-Itali yang Pertama Kali oleh Antonio Pigafetta" dalam jurnal *Dewan Bahasa*, Jilid VI, Bilangan 11 dan 12, 1961 (Asmah Haji Omar, 1975 dan Salinah Ja'afar, 2000).

Seterusnya, Yang Pin di negara China telah menyusun kamus Melayu pada 1560. Kamus ini dianggap sebagai kamus Melayu yang kedua dalam urutan hasil leksikografi Melayu. Beliau telah mengumpulkan, mengedit, dan menyatukan beberapa senarai kata Cina-Melayu yang tersimpan dalam arkib. Hasil leksikografi Yang Pin ini mengandungi lebih kurang 500 kata Melayu. Namun demikian, menurut Edwards dan Blagden (1930-1932), senarai kata beliau yang dicatatkan antara 1403 dengan 1511 tidak pernah ditemukan, kecuali dokumen beliau yang ditulis pada 1560 dan disimpan di London hingga hari ini (Collins James, T., 2000: 4).

Selain itu, para pengkaji lain seperti Asmah Haji Omar (1987), Salinah Ja'afar (2000), Abdul Rashid Daing Melebek (2006), dan Liang Liji (1994) pula mengatakan bahawa kamus Melayu yang paling awal yang pernah diketahui merupakan daftar kata Cina-Melayu 1403 yang sebanyak 482 patah kata seperti dalam huraian karangan C. O. Blagden yang berjudul "A Chinese Vocabulary of Malacca Malay Words and Phrases Collected at A. D. 1403". Huraian beliau ini terdapat dalam *Bulletin of the School of Oriented and African Studies*, Vol. VI, 1930-32, halaman 715-749. Mengikuti Blagden, sejarah perkembangan perkamusan Melayu telah bermula sejak awal abad ke-15 lagi.

Sememangnya, abad ke-17 dapat diberikan gelaran sebagai "Abad Kamus-Belanda". Hal ini demikian kerana sepanjang abad ke-17 tidak kurang daripada tiga kamus Melayu-Belanda ditulis dan diterbitkan. Pertama, kamus Frederick de Houtman pada 1603 di Amsterdam yang berjudul *Spraecck ende woordboek, Inde Malaeyische ende Madagaskarsche Talen met vele Arabische ende Turesche woorden* atau Kamus Melayu-Madagascar, Arab-Turki yang menghimpunkan senarai istilah atau perbendaharaan kata BM dan Madagascar serta Arab dan Turki. Kamus ini juga dianggap kamus terawal yang pernah dihasilkan oleh ahli sarjana Belanda (Ibrahim Ahmad, 1994: 7). Walau bagaimanapun, ada pendapat yang mengatakan bahawa *Dutch-Malay Vocabulary*, susunan Pieter Floris pada 1604 adalah dianggap sebagai kamus dwibahasa Melayu yang ketiga tertua di dunia. Kamus kedua ialah kamus *Vocabularium, ofte Woortboeknaer order vanden Alphabet in't Duytsch-Maleysch ende Maleysche Duytsch* (Buku Perbendaharaan Kata-kata Belanda-Melayu dan Melayu-Belanda) yang disusun oleh dua petugas agama Protestan di Ambon, iaitu Caspar Wiltens dan Sebastianus Danckaerts pada 1623 (Ibrahim Ahmad, 1994: 7). Hasil penulisan kamus ini menjadi asas kepada kamus Latin-Melayu dan Melayu-Latin *Dictionarivm Malaico-Latinum, Latino-Malaicum* (Asmah Haji Omar, 1975). Kamus Melayu ketiga pula terbit pada 1677 apabila F. Gueynier berjaya menyusun kamus Belanda-Melayu di Batavia dengan judul *Vocabulaer, ofte Woordenboek nae order van den-Alphabet, in't Duytsch ende Maleys*. Kamus ini dikenali sebagai kamus pertama yang dicetak di Nusantara. Jadi, begitulah sejarah permulaan perkamusan Melayu dengan bahasa-bahasa Eropah (Collins James, T., 2000: 5).

Perkamusan Melayu diteruskan oleh orang Inggeris, Belanda, dan Perancis sehingga lama-kelamaan perkamusan BM semakin maju. William Marsden sebenarnya merupakan orang yang pertama menyusun kamus, iaitu *A Dictionary of Malayan Language* pada 1812. Selanjutnya, kerja leksikografi disambung pula oleh James Howison, L'abbe Favre (1861), Klinkert (1893), dan Frank Swettenham (1894) (Asmah Haji Omar, 1975). Selain itu, nama orang Inggeris yang tidak asing lagi dalam dunia perkamusan Melayu ialah Winstedt (1913), Shellabear (1902; 1916), R. J. Wilkinson (1901-1903, 1908, 1932, 1959), Frank Swettenham, dan lain-lain. Nama orang barat sahaja yang tersenarai dalam sejarah leksikografi Melayu. Hal ini mungkin disebabkan Tanah Melayu pernah dijajah oleh penjajah asing seperti orang Inggeris, orang Belanda mahupun orang Perancis pada masa dahulu. Pada tahun 1936, terdapat juga daftar kata Inggeris-Melayu atau Buku Katan Pa Ba Mim Pa Ba juga dikenali sebagai Kamus Melayu oleh Pakatan BM Persuratan Buku Diraja Johor (Salinah Ja'afar, 2000: 810).

Dengan berdasarkan huraian sejarah awal perkembangan perkamusan Melayu itu, dapat dibuktikan bahawa pada peringkat awal, perkamusan Melayu berbentuk kamus dwibahasa, bukan kamus ekabahasa. Perkara ini menunjukkan bahawa faktor pendorong kelahiran kamus Melayu ialah keinginan orang asing yang mengembara ke

Tanah Melayu untuk mengetahui BM (Asmah Haji Omar, 1987: 4). Keinginan untuk mengetahui bahasa lain juga mendorong orang mencipta kamus pada amnya.

Selain kamus dwibahasa di atas, terdapat juga jenis kamus ekabahasa yang mendukung konsep penggunaan bahasa sumber dan bahasa sasaran yang sama. Perkembangan kamus ekabahasa sama seperti perkembangan kamus dwibahasa sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia. Tradisi penyusunannya telah dimulakan oleh sarjana Barat. Pada 1801, J. A. Howison telah menyusun kamus ekabahasa yang berjudul *Dictionary of the Malay Tongue, as spoken in the peninsular of Malacca, the Island of Sumatera, Java, Borneo, Pulo Pinang*. Kamus tersebut jauh lebih awal daripada *Onverp van een Maleisch Woordenboek ene Maleische Spraakkunst* susunan H. Von de Wall pada 1807. Sesudah itu, lahir pula *Kitab Pengetahuan Bahasa*, iaitu *Kamus Loghat Melayu-Johor-Pahang-Riau-Lingga Penggal yang Pertama* oleh Raja Ali Haji (Teeuw, A. 1964: 390) yang dianggap sebagai kamus ekabahasa yang pertama, susunan anak watan berbangsa Melayu 1858. Kamus ini memuatkan 1685 kata dasar. Teknik penyusunannya tidak mengikut urutan abjad kerana terpengaruh dengan tradisi persuratan dunia Arab. Hal ini menimbulkan anggapan bahawa *Kitab Pengetahuan Bahasa* ini tidak dapat dikategorikan sebagai kamus, tetapi dianggap sebagai ensiklopedia untuk pelajar (Ibrahim Ahmad, 1994: 16).

Di samping itu, kamus berikutnya yang lahir daripada usaha anak bangsa Melayu ialah *Kamus Wamam Yatawakkal* dan *Kamus Mahmudiah* susunan Syed Mahmud Syed Abdul Kadir al-Hindi yang diterbitkan pada 1894. Walau bagaimanapun, dengan berdasarkan dapatan baharu, *Kamus Mahmudiah* itu sebenarnya diterbitkan pada 1925 (Zainab Awang Ngah, 1990). Namun demikian, Asmah Haji Omar (1987) berpendirian tegas dengan mengatakan bahawa *Kamus Mahmudiah* ini diterbitkan pertama kali pada 1894 dan diterbitkan semula 1925. Seterusnya, pada 1920, terbit pula *Kamus Pepatah Melayu* oleh Haji Shamsuddin bin Muhammad Yunus (Salinah Ja'afar, 2000).

Dalam abad ke-20 ini, terdapat pelbagai kamus BM yang berbentuk ekabahasa. Antaranya ialah Kamus Winstedt yang berjudul *Kamus BM, Kamus Pepatah Melayu* karangan Haji Shamsuddin, kamus karangan Poerwardaminta, iaitu *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (1952) yang tebal dan paling lengkap.

Justeru, situasi penyusunan kamus ekabahasa sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia amat erat hubungannya dengan cita-cita untuk mengisi tuntutan nasional yang mahu menjadikan penyusunan kamus sebagai agenda penting agar berlangsung suatu transformasi kebudayaan yang bersendikan ilmu, pengetahuan, dan teknologi. Perkembangan kamus ekabahasa di kedua-dua buah negara ini jelas tidak dapat menyaingi penyusunan kamus dwibahasa, sama ada dari segi kuantiti mahupun kekerapan penerbitannya. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh pengaruh penglibatan penyusun kamus asing yang hanya berminat dan cenderung dalam proses penyusunan kamus bahasa ibunda mereka. Di samping itu, keprihatinan dalam menyusun kamus ekabahasa ternyata tidak menyeluruh. Hanya segelintir yang melibatkan ahli penyusun kamus asing, selebihnya datang daripada anak tempatan yang terserlah dalam penyusunan kamus.

### **Perkembangan Kamus Ekabahasa Melayu di Malaysia**

Sejarah perkembangan kamus ekabahasa di Malaysia hampir sama dengan sejarah perkembangannya di Indonesia. Dalam sejarah perkamusan Melayu di Malaysia,



terdapat beberapa nama yang bukan merupakan anak watan seperti Winstedt dan Wilkinson yang memang berperanan sebagai sebahagian daripada pengasas perkamusan Melayu. Pusat penyusunan dan penerbitan kamus yang paling produktif di Malaysia ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Pustaka Zaman, Utusan Melayu, Fajar Bakti, Delta, dan Pustaka Umum (Victor, P., 1996). DBP yang ditubuhkan pada 22 Jun 1956 telah merancang untuk menghasilkan *KD* yang disifatkan sebagai kamus yang paling utama, berwibawa, dan menjadi pegangan makna kosa kata BM hingga ke hari ini (Ibrahim Ahmad, 1994: 19).

Kamus ekabahasa Melayu yang pertama dihasilkan pada awal abad ke-20, iaitu *Kitab Benih Bahasa* susunan Fadhil Jaafar pada 1917. Seterusnya, diikuti oleh *Kamus al-Mahmudiah* susunan Syed Mahmud Syed Abdul Kadir al-Hindi 1925, *Kamus Melayu* susunan Shamsudin Yunos al-Haj pada 1935, *Buku Katan Pa Ba Mim Pa Ba Diraja Johor* pada 1936, *Kamus Angkatan Baru* susunan Harun Muhammad Amin 1951, *Kamus Am BM* susunan Che Yusof Ahmad *et. al.* pada 1957, *Kamus BM* susunan R. O. Winstedt pada 1960, *Kamus Am BM* oleh Md. Ayah Jetty pada 1961, *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* susunan Abdullah Hussain pada 1965, *Kamus Dewan (KD)* Edisi Pertama terbitan DBP pada 1970, *Kamus Bahasa Malaysia* Edisi Pelajar terbitan DBP 1975, dan *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia* terbitan DBP pada 1987. Kebanyakan entri dalam kamus ini diambil daripada *Kamus Bahasa Malaysia* Edisi Pelajar 1975 (Marsis Muhamad Nasir, 2007). Kamus ini mempunyai tambahan entri sebanyak enam ribu dan lebih kemas dari segi morfologi dan sintaksisnya.

Selain itu, DBP juga menerbitkan *Kamus Istimewa Peribahasa BM* cetakan pertama, susunan Abdullah Hussain pada 1965. Setelah itu, kamus ini telah dikemaskinikan untuk edisi pertama pada 1975 dan edisi kedua pada 1989. Seterusnya, kamus dialek iaitu *Kamus Iban-Bahasa Malaysia* (1989), *Tesaurus Umum Bahasa Malaysia* 1990, dan berpuluh-puluh jenis kamus istilah pelbagai bidang telah diterbitkan. Antaranya ialah *Kamus Istilah Sains Am* (1988), *Kamus Perakaunan* (1991), dan *Kamus Biologi: Patologi* (1991). DBP juga tidak terlepas daripada menasaskan penerbitannya untuk golongan kanak-kanak dengan menerbitkan *Kamus Rendah Dewan Bergambar* pada 1989 (Ibrahim Ahmad, 1994: 19).

Selanjutnya, *KD* dapat disifatkan sebagai kamus yang paling utama dan berwibawa serta menjadi pegangan makna kosa kata BM hingga ke hari ini. Para sarjana menganggap *KD* menjadi landasan atau rujukan bagi penyusunan kamus lain yang ada pada masa ini (Ibrahim Ahmad, 1994: 19). Asmah Haji Omar (1987: 16) pula mengatakan bahawa *KD* ialah kamus yang paling utama dan dijadikan landasan bagi rujukan makna perkataan Melayu. Di samping itu, *KD* juga merupakan landasan bagi penyusunan kamus lain yang ada dalam pasaran hari ini.

Di samping itu, *KD* Edisi Pertama (1970) susunan Teuku Iskandar dan rakan-rakan yang menggunakan sistem ejaan Za'ba telah dicetak semula pada 1984 mengandungi 28 ribu entri, iaitu 25,567 entri kata dasar dan 15,745 kata turunan. Walau bagaimanapun, berlaku pengemaskinian dalam edisi 1984, iaitu perubahan sistem ejaan yang menyeluruh mengikut pedoman Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia (1981) serta pindaan beberapa takrif dan kemasukan entri baharu. Ini diikuti dengan *KD* Edisi Baru atau edisi kedua (1989) dengan memuatkan entri tambahan (termasuk subentri) sebanyak kira-kira 2000 entri dan sedikit penyemakan kandungan *KD*. Namun, hal ini masih tidak mengubah konsep asal kamus tersebut. Selepas itu, DBP terus berusaha

untuk menyusun edisi ketiga *KD*, khususnya dari segi morfologi, penambahan kata baru, dan beberapa aspek lain yang sesuai dengan keperluan semasa.

Akhirnya, DBP telah menerbitkan *KD* Edisi Ketiga 1994 dengan memuatkan 6,000 kata entri tambahan. *KD* Edisi Keempat (*KD4*) menyusul pada 2005 dan sehingga kini telah dicetak berulang kali dengan memuatkan tidak kurang daripada 5,843 kata entri baharu atau tambahan. Anggaran entri dalam *KD4* ini ialah sebanyak 80,000 kata masukan. Menurut Noresah Baharom (2009), hal yang pasti sekarang ialah para perancang bahasa di Bahagian Perkamusan DBP telah mengkonsepsikan dan giat menyusun sebuah *Kamus Besar BM* yang dirancang untuk berada di pasaran menjelang Rancangan Malaysia Ke-10.

### **Perkembangan Kamus Ekabahasa Melayu di Indonesia**

Dalam sejarah perkembangan perkamusan di Indonesia pula dipercayai bahawa penyusunan kamus ekabahasa yang dikategorikan sebagai kamus umum atau kamus besar seperti *Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*, *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, dan *Kamus Edisi Pelajar Bahasa Indonesia* disusun oleh ahli penyusunan kamus tempatan, institusi keilmuan seperti Pusat Bahasa (PB) Jakarta Indonesia dan penerbit persendirian.

Menurut catatan awal, kamus ekabahasa yang pertama disusun di Indonesia pada awal abad ke-20 ialah *Kitab Logat Melajoe*, iaitu susunan Charles Andrian Van Ophuijsen pada 1901, iaitu suatu daftar kata BM. Selanjutnya, mengikut *KBBI* (1998), kamus ekabahasa yang pertama disusun oleh putra Indonesia ialah *Kitab Pengetahuan Bahasa*, iaitu *Kamus Loghat Melajoe-Johor-Pahang-Riau-Lingga* Penggal yang Pertama oleh Raja Ali Haji dari Riau pada 1928. Seterusnya, kamus lain yang dihasilkan selepas kamus pertama ini ialah *Kitab Arti Loghat Melajoe* susunan D. Iken dan Harahap 1929; *Kamoes Indonesia* susunan E. Sutan Harahap pada 1942, *Kamus Bahasa Indonesia* susunan Hassan Noel Arifin pada 1951, dan *Kamus Umum Bahasa Indonesia* terbitan PB susunan W. J. S. Poerwadarminta 1952 merupakan tunggak sejarah dalam pertumbuhan leksikografi Indonesia. PB Jakarta turut menerbitkan puluhan kamus bahasa daerah. Di samping itu, terdapat juga *Kamus Pengetahuan Umum* susunan Adi Negoro pada 1953, *Kamus Pelajar (Gaya Baru)* susunan S. Prawiroatmodjo pada 1965, *Kamus Umum* susunan Soewojo Wojowasito 1979, *Kamus Bahasa Indonesia Pusat Bahasa* susunan PB pada 1983, dan *KBBI* susunan PB Indonesia pada 1988.

Sebagai usaha untuk meningkatkan mutu leksikografi, Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa menerbitkan *KBBI* Edisi Pertama di Jakarta pada tanggal 28 Oktober 1988, bertepatan dengan Kongres Bahasa Indonesia V. Kamus ini memuatkan 62,100 lema dan menjadi kamus baku untuk bahasa Indonesia. Kamus ini hasil karya pasukan dengan pemimpin redaksi Sri Sukesri Adiwimarta dan Adi Sunaryo serta penyeliannya Anton M. Moeliono (*KBBI PB* Edisi Keempat (*KBBI4*), 2011: xxix).

Untuk mengatasi semua kelemahan dalam kamus edisi pertama itu, mereka segera membuat keputusan untuk menerbitkan *KBBI* Edisi Kedua pada 1991 setelah tiga tahun penerbitan edisi pertama. Kamus edisi kedua ini mempunyai jumlah lema sebanyak 68,000. Kemudian, selang sepuluh tahun barulah terbitnya edisi ketiga *KBBI*. Kamus edisi ketiga ini memuat sekitar 78,000 lema. Kamus ini telah dicetak berulang kali sehingga pada 2008, *KBBI PB* Edisi Keempat diterbitkan. Sehingga kini, terbitan yang terbaharu ialah *KBBI4* 2011, Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

Ringkasnya, *KBBI* dapat disifatkan sebagai sebuah kamus ekabahasa mutakhir yang paling lengkap dengan kosa kata pelbagai bidang, mempunyai lampiran tentang kelas kata, pedoman pembentukan istilah, pedoman pembentukan umum ejaan bahasa Indonesia yang disempurnakan, senarai akronim, dan singkatan rasmi serta berbagai-bagai macam huruf dan satuan ukuran. Setakat ini, kamus tersebut begitu penting dalam kerangka penyusunan kamus ekabahasa yang lainnya dan mempengaruhi proses menyusun kamus di rantau ini termasuk Malaysia (Ibrahim Ahmad, 1994).

### **Leksikografi**

Perkataan leksikografi berasal daripada perkataan Greek '*lexikos*' yang bermaksud 'kata' dan '*graphia*' yang bermaksud 'tulisan' (Ibrahim Ahmad, 1998). S. Nathesan (2011: 40) pula mengatakan bahawa istilah leksikografi (leksiko+grafi) terdiri daripada leksiko dan grafi, iaitu '*lexicon*' (perkataan) dan '*graph*' (penulisan) bermaksud ilmu dan seni tentang penyusunan kamus. Noresah Baharom dan Rusli Abdul Ghani (1990) menjelaskan bahawa leksikografi sebagai aktiviti atau hal yang bersangkutan dengan penyusunan kamus. Secara khusus, leksikografi ditakrifkan sebagai bidang linguistik terapan yang mencakup kaedah dan teknik penyusunan kamus (Harimurti Kridalaksana, 1983 dan Svensén, B., 1993). Leksikografi juga dikaitkan dengan leksem sebagai satuan terkecil dalam leksikon atau satuan yang berperanan sebagai input dalam proses morfologi (Harimurti Kridalaksana, 1989).

Dalam *Kamus Linguistik* (1997: 188) dijelaskan bahawa leksikografi dapat dilihat sebagai suatu cabang linguistik terapan yang berhubung dengan prinsip dan amalan membuat kamus termasuklah penyusunan, perbandingan, pentakrifan, dan penggolongan butir leksikal untuk dibukukan. Manakala kamus *Oxford Concise Dictionary of Linguistics* (1997) pula mendefinisikan leksikografi sebagai hal penulisan kamus untuk kegunaan umum ataupun tujuan lain yang berbeza daripada bidang leksikografi.

Demikian juga J. Van Roey (1990) dalam *French-English Contrastive Lexicology: An Introduction* menerangkan bahawa leksikografi sebagai disiplin ilmu yang ada kaitan dengan leksikologi tetapi berbeza daripada leksikologi. Istilah ini bermakna seni dan sains pembuatan kamus atau leksikografi dapat dianggap sebagai ilmu leksikal terapan. Leksikografi pula didefinisikan sebagai seni dan ilmu penyusunan kamus dalam *A Practical Guide to Lexicography* (2003).

Howard Jackson dan Etienne Zé Amvela (2007) menjelaskan bahawa leksikografi lebih merupakan teknik khusus tentang penulisan dan penyusunan kamus. H. Béjoint (2010) berpendapat bahawa bidang leksikografi tidak memiliki teorinya yang tersendiri dan kemungkinan ilmu ini kini menjadi saintifik tetapi ilmunya tidak menjadi sains.

Menurut R. R. K. Hartmann (1993), kebanyakan ahli leksikografi bersetuju bahawa penyusunan kamus merupakan aktiviti deskriptif, merakamkan penggunaan yang wujud dan bukan memberikan rumus preskriptif atau normatif tentang cara kata-kata harus digunakan dan kata-kata mana yang harus dielakkan. Hasnah Mohamad (2005: 38) pula menyifatkan leksikografi berbentuk deskriptif kerana merakamkan penggunaan kata yang wujud dan bukannya memberikan rumus preskriptif tentang cara menggunakan sesuatu kata atau kata yang harus dielakkan penggunaannya. Leksikografi menggunakan kaedah semasiologi atau pendekatan makna kerana bermula dengan kata, kemudian mencari maknanya (Hasnah Mohamad, 2005: 40).

Selain itu, menerusi pendapat Y. Malkiel (1971: 363), leksikografi dalam makna yang sempit merupakan subbahagian linguistik terapan yang berkaitan dengan teknik mengumpulkan data leksikal dan mempersembahkannya “*most cogently in reference works and textbooks.*” Di samping itu, leksikografi ialah satu aktiviti atau profesional dalam penulisan kamus (*Collins Cobuild Advanced Learner’s English Dictionary* New Edition, 2006: 825). Kamus Oxford yang terkenal pula mendefinisikan sesuatu teori dan praktikal dalam penulisan kamus sebagai takrifan leksikografi (*Oxford Advanced Learner’s Dictionary* Seven Edition, 1989: 883; *Oxford Advanced Learner’s Dictionary* Eight Edition, 2010: 854).

Dalam penyelidikan ini, leksikografi merupakan satu disiplin ilmu yang berkaitan dengan kerja penyusunan atau pembuatan kamus yang bukan hanya meliputi maklumat fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, pragmatik, leksikologi malahan juga melibatkan unsur bukan linguistik seperti ortografi, pemenggalan kata, pelabelan, dan sebagainya.

### **Pernyataan Masalah**

Dunia perkamusan Melayu kurang diperkatakan oleh ahli akademik, apatah lagi dibuat sebagai bahan kajian. Metabahasa merupakan suatu persoalan yang jarang-jarang sekali dibincangkan secara ilmiah atau dibahas oleh penyusun kamus di Malaysia. Permasalahan yang utama ialah kekurangan kajian lepas yang berfokus tentang metabahasa. Kajian seperti Yusof Hitam (1961), A. Teeuw (1964), Ibrahim Ahmad (1992), dan Noresah Baharom (1993) hanyalah bersifat huraian umum dan kronologis tentang kaedah membuat kamus dan sejarah perkamusan Melayu. Kajian lepas kurang memberikan gambaran yang tekal dan sesuai dengan tajuk kajian. Misalnya, penulisan Yusof Hitam (1961) lebih bersifat huraian dan kronologis tentang sejarah perkamusan Melayu. Beliau telah membahagikan usaha perkamusan Melayu kepada tiga tahap. Pertama, tahap daftar perkataan (1511-1631). Kedua, tahap tatabahasa dan kamus (1631-1850). Ketiga, tahap kamus (1850-1960) yang terus mengalami perkembangan yang pesat. Di samping memerihalkan sejarah perkamusan Melayu, beliau turut mengemukakan pendapatnya untuk membentuk sebuah kamus Melayu yang dapat memenuhi kehendak dan perkembangan BM itu sendiri. Huraiannya cuma menyentuh bahagian permukaan kerja perkamusan. Artikel A. Teeuw (1964) lebih bersifat huraian umum tentang cara menyusun sesebuah kamus, khususnya kamus ekabahasa. Beliau juga menyentuh serba sedikit aspek sejarah perkamusan Melayu di rantau ini. Ibrahim Ahmad (1992) pula telah membahagikan perkamusan Melayu kepada empat fasa. Pertama, perkembangan perkamusan sebelum 1900; kedua, perkembangan perkamusan pada abad ke-20; ketiga, kamus Melayu pelbagai bahasa sehingga abad ke-20; dan keempat, kamus pelbagai bidang sehingga abad ke-20. Selanjutnya, kajian Noresah Baharom (1993) pada umumnya lebih bersifat menyenaraikan aspek pembentukan *KD* dan unsur (sumber korpus, sistem ejaan, dan sebagainya) yang terdapat dalam sesebuah kamus. Penyelidik tempatan masih kurang menumpukan perhatian terhadap kajian perkamusan. Para pengkaji kurang menyentuh tentang penggunaan medan maklumat yang terdapat dalam penyusunan sesebuah kamus ekabahasa Melayu. Justeru, kekurangan kajian secara mendalam dan terperinci tentang maklumat penting dalam sesebuah kamus membuka ruang kepada penyelidik untuk membentuk persoalan kajian yang pertama.

Permasalahan seterusnya ialah kekurangan prinsip dan contoh daripada kajian lepas. Misalnya, kajian Asmah Haji Omar (1987), Ibrahim Ahmad (1991), R. R. K. Hartmann (1993), H. Béjoint (1994), E. Newell Leonard (1995), dan Nor Azizah Abu Bakar (2000) masih dianggap tidak memadai kerana tidak ada prinsip dan contoh. Walaupun kajian tersebut membincangkan metabahasa secara umum, namun terdapat lompang dari aspek huraian kajian yang menggunakan pendekatan kerangka prinsip umum leksikografi, khususnya kajian yang melibatkan perbandingan metabahasa dalam kamus ekabahasa Melayu. Sebagai contoh, Asmah Haji Omar (1987) menyentuh sejarah lahirnya kamus dan menimbulkan persoalan kelingkaran makna. Beliau turut menjelaskan sedikit sebanyak tentang makna metabahasa (yakni bahasa yang digunakan oleh ahli bahasa dalam ikhtisas mereka), iaitu sebagai bahasa untuk menerangkan segala sesuatu tentang bahasa (Asmah Haji Omar, 1987: 19). Selain itu, Ibrahim Ahmad (1991) telah mengatakan bahawa walaupun penggunaan metabahasa pernah dikatakan oleh Asmah pada tahun 1987 lagi, namun masih tidak terdapat pengkaji yang membuat kajian dalam bidang ini. R. R. K. Hartmann (1993) dan E. Newell Leonard (1995) juga telah memberikan penjelasan secara ringkas dan agak umum tentang metabahasa leksikografi dan tidak memberikan contoh dalam kajian mereka. Nor Azizah Abu Bakar (2000) pula cuma menyenaraikan beberapa aspek metabahasa yang selama ini dirasakan terlepas daripada perhatian pengguna kamus mahupun pengkritik. Perbincangan metabahasa hanyalah secara umum dan tidak berkaitan dengan bahasa objek dalam sesebuah kamus ekabahasa. Ketiadaan huraian mendalam tentang pentakrifan makna bahasa objek dalam metabahasa memberikan lompang kepada penyelidik untuk menangani persoalan kajian yang kedua.

Selain itu, terdapat huraian kajian pengkaji yang mengatakan kepentingan medan maklumat dalam sistem penyusunan *KD* sebagai rujukan umum amnya dan pelajar khususnya dalam dunia leksikografi. Toyud Pomogunan (2007) mengatakan bahawa kerja penyusunan kamus Melayu harus memberikan segala maklumat. Setiap entri harus mempunyai maklumat kelas kata, etimologi, sebutan, dan maklumat nota pengguna. Kupasan daripada Sunduvan Tanak (2007) pula memaklumkan bahawa buku rujukan berkaitan perkamusan yang ada merupakan hasil tulisan sarjana Barat. Beliau telah membuktikan bahawa ilmuwan tempatan juga mampu menghasilkan kajian yang lebih baik daripada penulis Barat. Selanjutnya, hasil temu bual Uthaya Sankar SB. dengan Harjit Singh Hullon (2007) yang terkenal di Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah menyarankan masyarakat tanpa mengira usia, pangkat, pekerjaan, dan latar pendidikan menjadikan *KD* sebagai kawan yang paling akrab. Akhir sekali, artikel Mohamad Sofee Razak (2008) mengatakan bahawa koleksi unggul kamus ini dapat meningkatkan mutu dan keberkesanan BM di persada dunia, di samping fungsinya sebagai sumber rujukan perbendaharaan kata BM. Semua kajian di atas membincangkan kebaikan dan kepentingan *KD* sebagai rujukan umum para pengguna. Ketiadaan kajian yang membincangkan cara persembahan bahasa objek dalam kamus ekabahasa Melayu telah memberikan lompang kepada penyelidik untuk membentuk persoalan kajian yang ketiga.

Daripada huraian dan rumusan kajian di atas ternyata bahawa perbincangan tentang metabahasa hanya dilakukan secara umum dan ini pula membuktikan bahawa masih berlaku kekurangan bahan rujukan yang lengkap dan sistematik dalam pasaran yang menjadi salah satu keangan untuk perkembangan perkamusan Melayu di Malaysia. Masih terdapat lompang dan ruang daripada aspek huraian rujukan tentang konvensi leksikografi dalam metabahasa penyusunan sesebuah kamus agar dapat menghasilkan sesebuah kamus yang lengkap dan berwibawa untuk rujukan umum. Justeru, pengkaji

ingin mencadangkan penyelidikan kamus amnya dan metabahasa khususnya dengan berdasarkan prinsip umum leksikografi yang berpandukan ulasan H. Béjoint (1994) dan pendekatan konvensi leksikografi (Hartmann, R. R. K. dan Gregory, J. (1998). Oleh itu, permasalahan ini menjawab persoalan kajian keempat penyelidikan ini.

### **Persoalan Kajian**

Dengan berdasarkan permasalahan yang dikemukakan di atas, persoalan kajian yang disasarkan adalah seperti yang berikut:

- i. Bagaimanakah penggunaan medan maklumat dalam *KD4* dan *KBB14*?
- ii. Apakah pemerian makna bahasa objek dalam kamus ekabahasa Melayu?
- iii. Apakah cara persembahan bahasa objek dalam kamus ekabahasa Melayu?
- iv. Sejauh manakah konvensi leksikografi dapat penambahbaikan penyusunan sesebuah kamus ekabahasa Melayu?

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini secara khususnya adalah seperti yang berikut:

- i. Untuk menghuraikan penggunaan medan maklumat dalam *KD4* dan *KBB14*.
- ii. Untuk menjelaskan pemerian makna bahasa objek dalam kamus ekabahasa Melayu.
- iii. Untuk menganalisis cara persembahan bahasa objek dalam kamus ekabahasa Melayu.
- iv. Untuk mereka bentuk konvensi leksikografi bagi penambahbaikan penyusunan kamus ekabahasa Melayu.

### **Batasan Kajian**

Penyelidikan ini berfokus pada kamus ekabahasa Melayu yang berbentuk umum. Hanya dua buah kamus Melayu yang dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Kamus tersebut ialah *KD4* Cetakan Ketiga 2010, terbitan DBP, Malaysia dan *KBB14* Cetakan Kedua 2011, terbitan PT Gramedia Pustaka Umum, Jakarta, Indonesia. Jumlah data kajian ialah 1087 kata entri daripada kedua-dua buah kamus tersebut. Menurut Majid Konting (1990), justifikasi 30% daripada jumlah data kajian, iaitu 1087 entri adalah memenuhi kesahan data kajian. Oleh sebab bahan kajian ialah interteks atau antara teks, iaitu antara *KD4* dan *KBB14*, maka kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah menggunakan kaedah analisis kandungan dan kaedah kepustakaan. Penyelidikan yang dijalankan secara analisis kandungan ini memberikan fokus terhadap persoalan perbandingan metabahasa yang mengandungi empat aspek utama iaitu penggunaan medan maklumat, pemerian makna bahasa objek, cara persembahan bahasa objek, dan konvensi leksikografi.

Objektif pertama kajian ini terbatas kepada perbandingan penggunaan medan maklumat yang bukan sahaja meliputi maklumat linguistik malah juga maklumat bukan linguistik dalam *KD4* dan *KBB14*. Secara umumnya, terdapat pelbagai maklumat dalam proses penyusunan sesebuah kamus ekabahasa Melayu. Maklumat tersebut ialah kata kepala atau entri, bentuk kata, ucapan dan ejaan, jenis kata, sinonim dan antonim, tingkat penggunaan kata, definisi atau batasan pemerian, catatan penggunaan kata, deskripsi penjelasan definisi, derivasi kata, frasa, kutipan, kata-kata silang, rujuk

silang, dan sebagainya. Namun demikian, hanya enam aspek yang dikaji dalam penyelidikan ini, iaitu ejaan, penyusunan entri atau kata masukan, sebutan, penggunaan kata, etimologi, dan rujuk silang. Selain itu, analisis medan maklumat secara terperinci dilaksanakan dengan berdasarkan pendapat yang disyorkan oleh Dale Edgar, *et. al.* (1971).

Objektif kedua kajian ini menumpukan perhatian kepada perincian bahasa yang memperkatakan bahasa objek yang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu entri atau bahasa objek dan bahagian metabahasanya. Selepas penjelasan bahasa objek dan metabahasanya, hanya entri kata nama dan kata adjektif akan dianalisis persamaan dan perbezaan maknanya melalui TAKM yang dipelopori oleh E. A. Nida (1975). Semua entri tersebut akan tergolong dalam lima jenis, iaitu entri yang sama tetapi seluruh komponen maknanya berbeza; entri yang sama tetapi bertindihan komponen maknanya, yakni ada atau persamaan dan perbezaan; entri yang sama dan seluruh komponen maknanya sama; entri yang berbeza tetapi bertindihan komponen maknanya, yakni ada persamaan dan perbezaan; dan entri yang berbeza tetapi seluruh komponen maknanya sama.

Ojektif ketiga penyelidikan ini terbatas kepada cara yang tersendiri bagi penyusun kamus mempersembahkan bahasa objek, dan metabahasanya. Cara tersebut ialah mengikut peraturan atau formula tertentu, menggunakan teknik mampatan, dan mengikut kesejadian atau keidiomatikan bahasa berdasarkan ulasan H. Béjoint (1994).

Objektif keempat kajian ini terbatas kepada konvensi leksikografi yang ada dalam *KD4* dan *KBB14*. Menurut R. R. K. Hartmann dan J. Gregory (1998), konvensi leksikografi ini meliputi kod tatabahasa, pelabelan penggunaan kata, dan pengungkapan definisi. Entrinya terbatas kepada entri yang sama tetapi bertindih pada komponen maknanya, yakni ada perbezaan dan persamaan. Daripada jumlah entri tersebut, hanya kata adjektif yang dipilih secara sistematik iaitu setiap entri yang kelima akan dipilih sebagai data kajian yakni kelima, kesepuluh, kelima belas, dan seterusnya. Seterusnya, pembahagian struktur pemerian makna meliputi tiga aspek utama, iaitu genus, ciri pembeza, dan komen. Dari aspek kerangka informasi dalam *KD4* dan *KBB14*, penyelidik mereka bentuk cadangan kerangka informasi dengan paparan menerusi rajah tersendiri.

### **Keputusan Kajian**

Penyelidikan ini penting daripada beberapa aspek. Yang pertama, dengan menghuraikan penggunaan medan maklumat dalam *KD4* dan *KBB14*, pihak penerbit kamus, iaitu DBP dapat menghasilkan kamus yang lebih lengkap dan memenuhi kehendak pengguna sasaran. Hasil daripada aspek persamaan dan perbezaan huraian penggunaan medan maklumat dalam kedua-dua buah kamus berkenaan, para penyusun kamus DBP dapat menambah maklumat yang kurang seperti sebutan dan kelas kata bagi entri dan subentri kamus tersebut. Hal ini disebabkan *KD* merupakan sebuah kamus ekabahasa Melayu yang paling autentik yang menjadi rujukan utama pengguna BM di Malaysia, malah juga di negara lain yang menggunakan BM sebagai bahasa utama negara masing-masing. Negara tersebut ialah negara Brunei Darussalam, Indonesia, dan juga negara yang sebahagian penuturnya merupakan penutur asli BM, seperti Singapura dan Thailand (Noresah Baharom *et. al.*, 2009). Jelas kelihatan, kepelbagaian medan maklumat dalam kedua-dua buah kamus ekabahasa ini dapat membekalkan kepuasan kepada pengguna apabila merujuk atau memiliki kamus

tersebut. Pengguna tidak akan ‘terpengaruh’ dengan gambaran fizikal, tetapi tertarik dengan kualiti kamus yang mengandungi pelbagai maklumat.

Objektif kedua penyelidikan ini adalah untuk menjelaskan bahasa objek khususnya pemerian makna dalam kedua-dua buah kamus Melayu. Penjelasan bahasa objek secara rinci ini dibuat bagi kata entri atau lema, yang terletak di sebelah kiri halaman kamus. Selain bahasa objek, terdapat bahagian lain yang menerangkan semua maklumat yang terkandung dalam pemerian makna bahasa objek/entri/lemanya iaitu metabahasa. Selain itu, pentakrifan bahasa objek menerusi Teori Analisis Komponen Makna (TAKM) dapat menyingkap persamaan, dan perbezaan komponen makna dalam entri perbandingan *KD4* dan *KBB14*. Dalam hal ini, penjelasan bahasa objek, metabahasa, dan pentakrifan atau pemerian bahasa objek dengan baik dan jelas secara amnya diperlukan oleh penyusun *KD4* dan *KBB14*. Pengaplikasiannya amat penting dan membantu proses penyusunan sesebuah kamus khususnya kamus ekabahasa Melayu di Malaysia dan di Indonesia.

Menerusi hasil penyelidikan ini, penganalisan cara bahasa mempersembahkan bahasa objek terhadap *KD4* dan *KBB14* menampilkan kaedahnya yang tersendiri, iaitu yang dapat dijadikan asas panduan terbaik bagi proses penyusunannya. Antara kaedahnya ialah mengikut peraturan atau formula tertentu, menggunakan teknik mampatan, dan mengikut kesejadian atau keidomatikan bahasa. (Béjoint, H., 1994). Harus difahami bahawa semua data kajian tidak menggunakan kaedah mengikut kesejadian atau keidomatikan bahasa. Namun demikian, entri lain dalam *KD4* menggunakan kaedah tersebut. Perkara ini penting supaya persoalan seperti persoalan format, kekaburan makna, ketaktepatan, dan ketidaksesuaian fakta tidak berlaku. Setelah mengenal pasti kaedah dalam proses penyusunan kedua-dua buah kamus ekabahasa tersebut, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dan maklumat kepada institusi DBP, Kuala Lumpur, Malaysia dan PB, Jakarta yang berfokus pada leksikografi atau perkamusan terutamanya proses penyusunan kamus ekabahasa Melayu. Justeru, kajian ini perlu dijalankan.

Akhirnya, selepas konvensi leksikografi dalam metabahasa penyusunan sesebuah kamus ekabahasa Melayu dikenal pasti, maklumat yang diperolehi dapat dimanfaatkan untuk mereka bentuk cadangan kerangka informasi yang dipaparkan melalui rajah ciptaan penyelidik sendiri. Justeru, penyusun *KD4* dan *KBB14* dapat memasukkan segala maklumat yang diperlukan untuk pentakrifan entri tersebut seperti ejaan yang betul, imbuhan yang sesuai, suku kata yang diterima, makna yang tepat, lengkap, dan padat, penggunaan etimologi atau asal usul kata, pelabelan kata, singkatan lain, contoh penggunaan ayat, dan sebagainya. Semua kerangka informasi ini turut membantu menambah baik pembentukan proses sesebuah kamus ekabahasa Melayu, khususnya *KD4* dan *KBB14* yang berperanan sebagai landasan rujukan umum. Dapatan kajian ini juga boleh dimanfaatkan untuk memberikan gambaran kepada masyarakat umum, khususnya pelajar di sekolah rendah, menengah mahupun mahasiswa atau mahasiswi pada peringkat pengajian tinggi umum atau swasta memahami penggunaan dan pemilihan sesebuah kamus yang ‘baik’ selain kamus sebagai alat bantu mengajar untuk guru. Cadangan penyelidik turut membantu DBP yang bakal menghasilkan sebuah kamus umum yang lebih baik, lengkap, dan jelas dari segi persoalan format mahupun kekaburan makna dan setanding dengan kamus ekabahasa yang lain. Hal ini demikian kerana sebuah kamus haruslah dibentuk dengan sempurna agar dapat memegang peranan sebagai landasan rujukan orang umum. Dengan usaha ini, *KD* bukan sahaja dapat dimartabatkan tetapi juga dapat disebarluaskan ke serata dunia.



## **Definisi Operasional**

### **Kamus Ekabahasa Melayu**

Menurut Ibrahim Ahmad (1994: 37), kamus ekabahasa atau *monolingual dictionary* menggunakan bahasa yang sama. Dengan kata lain, kamus ini hanya menggunakan satu bahasa, iaitu bahasa yang diperjelas sama dengan bahasa yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu. Manakala Asmah Haji Omar (1987: 4) pula mengatakan bahawa kamus ekabahasa hanya mengandungi satu bahasa objek dan metabahasa yang dihuraiakan adalah sama dengan bahasa objek. Oleh itu, kamus ekabahasa dalam kajian ini tergolong dalam kamus umum yang memuatkan bahasa objek dan bahasa sasaran yang sama. Kata dan segala maklumat itu dihuraiakan dengan menggunakan satu bahasa sahaja tanpa padanan daripada bahasa lain. Kamus ekabahasa Melayu bermakna kata entri yang dijelaskan atau bahasa objek dan penjelasannya atau metabahasa ialah bahasa yang sama, iaitu BM.

### **Metabahasa**

Dalam kajian ini, metabahasa atau *metalinguage* ialah bahasa yang digunakan oleh para penyusun kamus untuk mempersembahkan maklumat bahasa objek dalam sistem linguistik, sama ada maklumat linguistik dan maklumat bukan linguistik (bentuk simbol/lambang) yang mudah difahami oleh pengguna sesebuah kamus.

## RUJUKAN

- Abdul Chaer. (2009). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain. (2005). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Ainon Muhammad. (1979). Semantik: Suatu Pengenalan Ringkas. *Jurnal Dewan Bahasa*, Mei.
- Alice Y. W. Chan. (2013). Using LDOCE5 and COBUILD6 for Meaning Determination and Sentence Construction: What Do Learners Prefer? *International Journal of Lexicography*. Vol. 27 (1), 25-53.
- Asmah Haji Omar. (1975). *Essays on Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1987). *Perkamusan Melayu: Satu Penilaian*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Keempat Cetakan Pertama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asraf. (1995). Beberapa Masalah Perkamusan Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 39 (3), 196-209.
- Ayto, J. R. (1980). When is a Meaning Not a Meaning? *Times Education Supplement*, 25 April, 45.
- Ayto, J. R. (1983). On Specifying Meaning. Dalam Hartmann, R. R. K. (ed). *Lexicography: Principles and Practise*. London: Academic Press.
- Barnhart, C. L. (1962). *Problems in Editing Commercial Monolingual Dictionaries, in Householder and Saporta*, 161-181.
- Béjoint, H. (1981). The Foreign Student's Use of Monolingual English Dictionaries: A Study of Language Needs and Reference Skills. *Applied Linguistics*. II (3): 207-222.
- Béjoint, H. (1994). *Tradition and Innovation in Modern English Dictionaries*. Oxford: Oxford University Press.
- Béjoint, H. (2010). *The Lexicography of English*. Oxford: Oxford University Press.
- Benson, M. et. al. (1986). *Lexicographic Description of English*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Bilcher Bala. (2012). *Penulisan Tesis Elektif Aliran Sastera dan Kemanusiaan*. Penyunting: Saidatul Nornis Hj. Mahali, dan Sim Chee Cheang. Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.
- Celce-Murcia, Larsen-Freeman, D. dan Williams, H. (1999). *The Grammar Book: An ESL/EFL Teachers Course* (2<sup>nd</sup> ed.). Boston: Heinle & Heinle.
- Collins Cobuild Advanced Learner's English Dictionary New Edition*. (2006). Great Britain: Harper Collins Publishers.
- Collins James, T. (2000). *Kamus dan Perkamusan Melayu*. Kertas kerja yang dibentangkan di Bengkel Leksikografi. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 27-29 Jun.
- Collins James, T. (2003). *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J. W. (1993). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approach*. London: Sage.
- Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua*. (1988). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Dominika Kovarikova, Lucie Chlumska dan Vaclav Cvrcek. (2012). What Belongs in a Dictionary? The Example of Negation in Czech. Diakses pada 10 September 2014 dari laman web [http://www.euralex.org/elx\\_proceedings/Euralex2012/pp822827%20Kovarikova.%20Chlumska%20and%20Cvrcek.pdf](http://www.euralex.org/elx_proceedings/Euralex2012/pp822827%20Kovarikova.%20Chlumska%20and%20Cvrcek.pdf)
- Doroszewski, W. (1973). *Elements of Lexicology and Semiotics*. Mouton: Hague.
- Edgar, Dale. et. al. (1971). *Techniques of Teaching Vocabulary*. California: Field Educational Publications.
- Fadilah Jasmani. (1994). Kategori Maklumat dalam Kamus. *Seminar Perkamusan Melayu*, 20-21 Disember. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh Sang Seong. (2012). Kesalahan Pelbagai Kata dalam Terjemahan Bahasa Cina-Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 12 (1), 42-45.
- Harimurti Kridalaksana. (1989). *Pembentukan Kata dalam Bahasa Indonesia*. Jakarta: PT Gramedia.
- Hartmann, R. R. K. (ed). (1983). *Lexicography: Principles and Practice*. London: Academic Press.
- Hartmann, R. R. K. (pnyt.) (1993). *Leksikografi: Prinsip dan Amalan*. Terj. Zainab Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hartmann, R. R. K. dan Gregory, J. (1998). *Dictionary of Lexicography*. London: Routledge.
- Hasnah Mohamad. (2005). Terminografi dan Leksikografi. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 5 (6), 36-40.
- Hausmann, F. J. dan Wiegand, F. F. (1989). Component Parts and Structures of General Monolingual Dictionaries: A Survey. *Dictionaries: An International Encyclopedia of Lexicography*. Berlin & New York: Walter de Gruyter.
- Hazim bin Siron. (2005). Penggunaan Multimedia dalam Perkamusan di Sekolah Menengah. *Tesis Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ibrahim Ahmad. (1991). Medan Maklumat Perkamusan Melayu: Suatu Penilaian terhadap Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 35 (7), 600-607.
- Ibrahim Ahmad. (1992). Perkembangan Perkamusan Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 36 (11), 1086-1098.
- Ibrahim Ahmad. (1994). *Perkamusan Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Ibrahim Ahmad. (1998). Antara Kamus Umum dan Kamus Khusus: Suatu Perbandingan. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 42 (1), 4-11.
- Ibrahim Ahmad. (2000). Pengendalian Kata Ganda dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia: Satu Kajian Perbandingan. *Tesis Master*. Universiti Malaya.
- Ibrahim Ahmad. (2004). *Perkamusan Melayu: Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ibrahim Ahmad. (2006). Beberapa Pola Perbezaan Leksikal dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia: Satu Analisis Berdasarkan Model Tiga Segi Semiotik. *Jurnal Bahasa*, Jilid 6 (1), 97-118.
- Ibrahim Ahmad. (2010). Kod dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 10 (2), 43-45.
- Ilson, R. F. (ed). (1986). *Lexicography: An Emergent International Profession*. Manchester: Manchester University Press.
- Jackson, Howard dan Etienne Zé Amvela. (2007). *Words Meaning and Vocabulary: An Introduction to Modern English Lexicology*. London & New York: Cassell.

- Kamus Bahasa Melayu*. (1960). Susunan R. O. Winstedt. Kuala Lumpur: Marican and Sons.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia Pusat Bahasa Edisi Keempat*. (2011). Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Umum.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. (2003). Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. (2002). Susunan Haji Zainal Abidin Safarwan. Kuala Lumpur: Utusan Publications @ Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat Cetakan Pertama*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat Cetakan Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Indonesia*. (1951). Susunan E. St. Harahap. Bandung: Kloff.
- Kamus Linguistik*. (1983). Susunan Harimurti Kridalaksana. Jakarta: Gramedia.
- Kamus Linguistik*. (1993). Susunan Harimurti Kridalaksana. Jakarta: Gramedia Pusat Utama.
- Kamus Linguistik*. (1997). Susunan Ramli Md. Salleh *et. al.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Melayu Global*. (1996). Susunan Hasan Hamzah. Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
- Kamus Pelajar Karisma*. (2001). Susunan Ahmad Mahmood Musanif. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Kamus Umum Bahasa Indonesia*. (2003). Susunan W. J. S. Poerwadarminta, diolah kembali oleh Pusat Bahasa. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Umum Bahasa Indonesia*. (1999). Susunan W. J. S. Poerwadarminta. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Umum Bahasa Indonesia*. (1976). Susunan W. J. S. Poerwadarminta. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kamus Umum Bahasa Indonesia*. (1994). Susunan J. S. Badudu & Sutan Mohammad Zain. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Kamus Za'ba*. (2001). Susunan Haji Hasan Hamzah *et. al.* Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books.
- Keith, Allan. (2009). *Concise Encyclopedia Of Semantics*. Great Britain: Elsevier Ltd.
- Kerlinger, F. N. (1973). *Foundations of Behavioral Research*. New York: Holt, Rinehart & Winston, Inc.
- Kipfer, B. A. (1984). *Workbook on Lexicography*. Exeter: University of Exeter.
- Krisnamurthy, R. (1987). The Process of Compilation. Dalam Sinclair J.M. (ed). *Looking Up An Account of the COBUILD Project Lexical Computing*. London & Glasgow: Collins.
- Kyohei Nakamoto. (1998). From Which Perspective Does the Definer define the Definiendum: Anthropocentric or Referent-base? *International Journal of Lexicography*, 11 (3): 205-218.
- Landau, S. (1984). *Dictionaries - The Art and Craft of Lexicography*. New York: Cambridge University Press.
- Landau, S. (1989). *Dictionaries. The Art and Craft of Lexicography*. Cambridge: CUP.
- Landau, S. (1991). Approaches to Meaning and Their Uses in Lexicography. *Dictionaries: Journal of the Dictionary Society of North America*. 13 (1): 91-114.
- Lawrence Johnson. (1984). *Some Foundation of Lexicography in SEA Englishes*. Kertas Berkala, Singapura: Regional English Language Centre (RELC).
- Labovitz, S. dan Hagedorn, R. (1971). *Introduction to Social Research (3rd Edition)*. London: McGraw-Hill.

- Liang Liji. (1994). Makna Kehadiran Kamus China-Melayu yang Terawal di Abad ke-15. *Kertas Kerja dalam Seminar Perkamusan Melayu*, 20-21 Disember 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maha Alhaysony. (2011) Dictionary Look-Up Behavior of Saudi Female EFL Students. *European Journal of Social Sciences*, Vol.26 (2), 250-267.
- Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malkiel, Y. (1971). Lexicography. Dlm. Carrol E. Reed. Ed. *The Learning of Language*. Appleton Century: Crafts.
- Marie-Claude Demers, Ilan Kernerman dan Marie-Claude L'Homme. (2012). Lexicographic Interchange between a Specialized and a General Language Dictionary. Diakses pada 10 September 2014 dari laman web [http://olst.ling.umontreal.ca/pdf/Demers\\_Kernerman\\_L\\_Homme\\_EURALEX\\_2012.pdf](http://olst.ling.umontreal.ca/pdf/Demers_Kernerman_L_Homme_EURALEX_2012.pdf)
- Mario Pei. (1966). *Glossary of Linguistic Terminology*. Columbia: Columbia University Press.
- Marsis Muhamad Nasir. (1997). Perkembangan Makna: Dari Semantik ke Pragmatik. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 41 (11), 1008-1022.
- Marsis Muhamad Nasir. (2007). *Perkembangan Kosa Kata Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes Perbandingan Antara Dua Kamus*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Merriam Webster's Collegiate Dictionary Eleventh Edition*. (2003). United States of Amerika: Merriam Webster, Incorporated.
- Mohamad Sofee Razak. (2008). Kamus Rakan Bahasa Paling Setia. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 8 (11), 28-29.
- Mohd. Januri Aiyub. (2008). Keperntingan Maklumat Golongan Kata dalam Kamus. *Jurnal Pelita Bahasa*, Jilid 20 (1), 22-24.
- Mohd. Rasdi Saamah. (2012). Kamus Dewan dan Kamus Besar: Perbandingan Aspek Kandungan Medan Maklumat. Diakses pada 2 Mac 2012 dari laman web [http://jpmipgmtaa.webs.com/penulisan/kamusDewan\\_vs\\_kamusBesar\\_Jurnal\\_pdf](http://jpmipgmtaa.webs.com/penulisan/kamusDewan_vs_kamusBesar_Jurnal_pdf)
- Mohd. Sheffie Abu Bakar. (1987). *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-bidang Berkaitan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Sheffie Abu Bakar. (1995). *Metodologi Penyelidikan Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Newell Leonard, E. (1995). *Handbook on Lexicography for Philippines and other Languages*. Manila: Linguistic Society of the Philippines.
- Nida, E. A. (1975). *Componential Analysis of Meaning. An Introduction to Semantic Structures*. Mouton: The Hague-Paris.
- Nik Norimah Tuan Mat dan Zamri Arfin. (2013). Sumbangan Idris al-Marbawi dalam Penyusunan Kamus Arab-Melayu. Penyunting: Azmul Fahimi Kamaruzaman, et al. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa*, 9-10 September. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (1994). Leksikografi Melayu: Beberapa Perspektif Linguistik. Kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar Perkamusan Melayu*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia, 20-21 Disember.
- Nor Azizah Abu Bakar. (2000). Metabahasa dan Pengungkapan Definisi dalam Kamus Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 44 (8), 863-875.
- Noresah Baharom et al. (2009). *Kamus dan Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Noresah Baharom. (1993). Kamus Dewan. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 37 (12), 1120-1127.
- Noresah Baharom dan Rusli Abdul Ghani. (1990). Perkamusan dan Perancangan Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 34 (11), 865-873.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1996). Tatacara Kajian Lapangan: Satu Panduan. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 40 (1), 44-54.
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary Seven Edition*. (1989). New York: Oxford University Press.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary Eight Edition*. (2010). New York: Oxford University Press.
- Oxford Concise Dictionary of Linguistics*. (1997). Oxford: Oxford University Press.
- Piet, van Sterkenburg (ed.) (2003). *A Practical Guide to Lexicography*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Puspa Ruriana. (2012). Metode Analisis Komponen Makna. Diakses pada 29 Mac 2012 dari laman web <http://pusatbahasaalazhar.wordpress.com/hakikat-hakiki-kemerdekaan/metode-analisis-komponen-makna/>
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Ronald, C. (2000). *Vocabulary Applied Linguistic Perspectives Second Edition*. United State dan Canada: Routledge.
- Rozita Radhiah Said. (2010). Buku Pegangan Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 10 (7), 18-20.
- Saghar Sharifi. (2012). General Monolingual Persian Dictionaries and Their Users: A Case Study. Diakses pada 10 September 2014 pada laman web [http://www.euralex.org/elx\\_proceedings/Euralex2012/pp626639%20Sharifi.pdf](http://www.euralex.org/elx_proceedings/Euralex2012/pp626639%20Sharifi.pdf)
- Sakwa, Lydia Namatende. (2011). Problems of Usage Labelling in English Lexicography. *Lexikos, Academic Journal*. Vol. 21, 305-315.
- Salinah Ja'afar. (2000). Perkamusan Melayu dalam Era Teknologi Maklumat. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 44 (7), 809-815.
- Schutz William, C. (1959). On Categorizing Qualitative Data in Content Analysis. *The Public Opinion Quarterly*. Vol. 22 (4), 503-515.
- S. Nathesan. (2011). Leksikologi dan Leksikografi. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 11 (7), 40-42.
- Siti Baroroh Barried et. al. (1985). *Pengantar Teori Filologi*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Sulaiman Masri. (1980). Apakah Bahasa Melayu yang Baik? *Kertas Kerja Seminar Perkamusan Bahasa Melayu*. 8-10 Januari 1980. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. (1994). Apakah Kamus Bahasa Melayu yang Baik? *Kertas Kerja Seminar Perkamusan Melayu*. 20-21 Disember 1994. Balai Seminar: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sunduvan Tanak. (2007). Sebuah Kamus untuk Sebuah Rumah. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 7 (3), 58-59.
- Svensén, B. (1993). *Practical Lexicography*. Oxford: Oxford University Press.
- Syed Arabi Idid. (1998). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teeuw, A. (1964). Tentang Kamus dan Perkamusan Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 8 (9), 388-397.

- Toyud Pomogunan. (2007). Leksikografi Sebagai Cabang Wahana Ilmu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 7 (3), 56-57.
- Uthaya Sankar SB. (2007). Pencemaran Bahasa Kamus sebagai Sahabat yang Akrab. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 7 (4), 58-62.
- Van Roey, J. (1990). *French-English Contrastive Lexicology: An Introduction*. Louvain-la-Neuve: Peeters.
- Victor, P. (1996). Leksikografi di Malaysia: Tinjauan dari Luar Negeri. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 40 (12), 1127-1130.
- Victor, P. (2011). Kamus di Malaysia Lebih Banyak, Lebih Baik, Lebih Menarik. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 11 (12), 28-30.
- Weirisma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction (7th Ed)*. Boston: Allyn and Bacon.
- Webster's New World Dictionary Third College Edition*. (1989). New York: Webster's New World Dictionaries.
- Yusof Hitam. (1961). Kamus Melayu Sejak 1511. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 5 (4), 151-161.
- Zainab Awang Ngah. (1990). *Perkamusan Melayu/Indonesia: Satu Bibliografi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zainal Abidin Safarwan. (1994). Sejarah dan Perkembangan Perkamusan Melayu di Nusantara. Kertas Kerja Perkamusan Melayu, 20-21 Disember. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005). Kamus dan Kehidupan. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 5 (6), 46-49.
- Zgusta, L. (1971). *Manual of Lexicography*. Mouton: The Hague.
- Zgusta, L. (1987). Applied Lexicography. *Journal World Englishes*. Vol. 6 (1), 71-72.
- Zuraini Ramli. (2006). Buku Katan: Satu Kajian Awal Leksikografi Melayu. *Jurnal Bahasa*, Jilid 6 (3), 520-540.